isentia

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**Utusan Malaysia, Malaysia**
27 May 2015, by

Business & Finance, page 18 - 76.00 cm²
Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802 (MTWTFS)

ID 412679307 BRIEF FELDA INDEX 1



# MSM optimis kekal prestasi kewangan kukuh

**KUALA LUMPUR 26 Mei** - Pengeluar gula utama negara, MSM Malaysia Holdings Berhad. (MSM), optimis untuk mengekalkan prestasi kewangannya yang kukuh pada suku kedua 2015 meskipun berdepan keadaan ekonomi tidak menentu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, ini kerana kos utama MSM iaitu pembelian gula mentah sudah dilindung nilai sehingga Ogos 2015.

Katanya, MSM pada suku pertama berakhir 31 Mac 2015 berjaya meningkatkan penguasaan pasaran pengeluaran gula domestik sebanyak 64 peratus berbanding 57 peratus pada suku sama tahun lalu.

"MSM yang terus menumpukan inisiatif pengurangan kos dan pengurusan operasi yang efektif mengunjurkan untuk menjimatkan perbelanjaan hasil sehingga RM25 juta setiap tahun.

"Selain itu, kami yakin dapat mempertingkat kapasiti pengeluaran gula kepada 1.1 juta tan metrik berbanding 986,116 tan metrik dihasilkan tahun lalu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mengenai pejabat perdagangan MSM di Dubai, beliau berkata, ia dijangka beroperasi pada akhir Jun depan, walau bagaimanapun pejabat di sana hanya boleh digunakan bermula 1 Ogos ini.